

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD  
[ SETIAWANGSA ]  
TARIKH : 5.11.2020 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 2**

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [ Setiawangsa ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA menyatakan tentang keberkesanan, kejayaan dan cabaran program 'food bank' di Malaysia sehingga hari ini.**

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Program Food Bank Malaysia (PFBM) telah diperkenalkan sebagai salah satu inisiatif peduli rakyat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam membantu golongan kurang berkemampuan untuk mendapatkan makanan yang mana secara tidak langsung dapat meringankan kos sara hidup golongan tersebut.

Keberkesanan Program Food Bank Malaysia dapat dilihat dengan wujudnya Program Food Bank Siswa. Program Food Bank Siswa adalah satu inisiatif kesinambungan daripada Program Food Bank Malaysia yang bertujuan untuk membantu mahasiswa dari keluarga golongan B40 memperolehi keperluan makanan supaya mereka dapat memberi tumpuan yang lebih baik terhadap pembelajaran. Cetusan program ini juga adalah susulan daripada Mesyuarat Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara (NACCOL) Bil. 1 yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 15 Februari 2019.

Selain itu, Program Food Bank Komuniti juga telah diperluaskan kepada lebih ramai golongan B40 dan golongan yang memerlukan contohnya seperti penduduk di Program Perumahan Rakyat (PPR), penghuni rumah kebajikan, mangsa-mangsa bencana dan lain-lain kumpulan sasar yang memerlukan dari semasa ke semasa.

Keberkesanan program yang telah dilaksanakan ini telah dapat direalisasikan di mana sehingga Oktober 2020, seramai 622,726 ahli isi rumah telah menerima manfaat daripada program ini. Secara tidak

## NO. SOALAN : 2

langsung, ianya telah berjaya memanfaatkan sebanyak 2,301 metrik tan lebih makanan dan dianggarkan sebanyak RM 11.51 juta nilai lebih makanan berjaya diselamatkan.

Selain itu, sehingga Oktober 2020, Program Food Bank Siswa pula telah berjaya membantu lebih 17,574 pelajar di 25 Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang telah melaksanakan program ini di seluruh Malaysia sejak ianya dilancarkan pada bulan Februari 2019. Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada bulan Mac 2020 sehingga bulan Jun 2020, Program Food Bank Siswa telahpun berjaya membantu lebih 60,000 pelajar yang terkandas di 181 IPT di seluruh Malaysia. Bantuan ini adalah bagi memudahkan pelajar mendapat akses makanan dan penjagaan diri ketika berada di kampus.

Cabaran yang dihadapi ketika pelaksanaan Program Food Bank Malaysia ini adalah untuk mendapatkan komitmen daripada penyumbang. Ini adalah kerana terdapat beberapa pengilang, syarikat korporat dan pasaraya yang terkesan akibat pandemik Covid-19 yang berlaku. Terdapat syarikat yang tidak lagi dapat memberikan komitmen di dalam pemberian sumbangan atas faktor ekonomi yang terjejas. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian terus komited dalam mendapatkan organisasi penyumbang dan memastikan sumbangan mereka akan terus diberikan kepada penerima Program Food Bank Malaysia.

Sekian, terima kasih.